



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

Anugerah Persuratan 2026

Soalan Kerap Ditanya

Mengenai Anugerah Persuratan

Anugerah Persuratan merupakan usaha berterusan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) untuk mengiktiraf para penulis yang bergiat dalam seni persuratan. MBMS telah menganjurkan acara ini sejak tahun 1993. Selain pengiktirafan, anugerah ini juga meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan dalam kalangan penulis berbahasa Melayu, menggalakkan penerbitan karya yang bermutu dan memasyarakatkan bidang persuratan.

Penghantaran Karya

1) Siapakah yang layak menghantar karya mereka untuk Anugerah Persuratan 2026?

Penyertaan karya bagi Anugerah Persuratan dibuka kepada semua penulis karya warganegara dan penduduk tetap Singapura. Penyertaan karya juga boleh dilakukan oleh penerbit bagi pihak penulis tersebut.

2) Apakah kategori Hadiah Persuratan yang dipertandingkan?

Bagi bidang karya, terdapat 6 kategori kesemuanya iaitu Cerpen, Esei/Kajian Sastera, Novel, Puisi, Sastera Kanak-kanak (seperti buku bergambar dan novel kanak-kanak) dan Skrip Drama Pentas. Semua karya yang dihantar haruslah dalam bentuk buku yang telah dicetak dan mempunyai nombor ISBN.

Bagi kategori Skrip Drama Pentas, karya yang telah diterbitkan sendiri tanpa ISBN tetapi tersedia secara komersial, boleh dikemukakan.

Bagi kategori Esei/Kajian Sastera, penyertaan hendaklah berfokus pada topik persuratan, termasuk namun tidak terbatas kepada:

- Karya dan teks persuratan



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

- Penulis dan tokoh persuratan
- Gerakan, aliran dan perkembangan persuratan
- Dunia persuratan Melayu dan perkembangannya

3) Apakah tempoh kelayakan?

Hanya buku-buku yang telah diterbitkan pada tahun 2023, 2024 dan 2025, sama ada di Singapura atau di luar negara akan diterima. Buku berkenaan juga harus mempunyai nombor ISBN untuk menentukan kesahihannya.

4) Bolehkah saya menghantar karya yang telah saya terjemahkan ke Bahasa Melayu?

Karya yang dihantar bagi AP 2026 mestilah karya asli dalam bahasa Melayu sahaja.

5) Bolehkah buku dwibahasa dihantar sebagai penyertaan?

Hanya buku yang ditulis sepenuhnya dalam Bahasa Melayu Rumi layak dihantar. Penerbitan dwibahasa atau karya dalam pelbagai bahasa tidak layak untuk dipertimbangkan.

6) Cerpen saya telah diterbitkan dalam akhbar Berita Harian. Bolehkah karya tersebut dihantar untuk AP 2026?

Karya tunggal tidak akan diterima atau dinilai bagi AP 2026.

7) Saya seorang penulis swaterbit dan telah menulis bersama dua penulis lain. Bolehkah kami menghantar buku tersebut untuk AP 2026?

Antologi boleh dihantar bagi AP 2026 dengan syarat semua penulis yang terlibat ialah warganegara Singapura dan/atau PR.

8) Buku saya belum diterbitkan tetapi penerbit telah merancang untuk mencetaknya. Bolehkah saya menghantar manuskrip sekarang dan buku terbitan kemudian?

Penganjur hanya akan menerima karya yang telah diterbitkan pada tahun 2023, 2024 atau 2025, serta mempunyai nombor ISBN yang sah.



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

9) Bagaimanakah cara untuk saya menghantar karya saya dalam talian?

Semua penyertaan harus dihantar melalui borang dalam talian di [sini](#). Sila baca dan fahami panduan pertandingan untuk mengelakkan penyertaan anda menjadi kurang lengkap dan/atau tidak layak dipertimbangkan.

10) Apakah saiz fail yang boleh dimuatnaikkan sewaktu mengisi borang dalam talian?

Setiap fail yang dimuatnaikkan tidak boleh melebihi 1GB.

11) Saya telah cuba untuk memuatnaikkan salinan digital karya saya tetapi gagal.

Apakah yang boleh saya lakukan?

Setiap penghantaran karya harus didahului dengan mengisi borang dalam talian di [sini](#). Jika Tuan/Puan mengalami masalah untuk memuatnaikkan salinan digital melalui laman yang disediakan, sila e-mel Puan Celine (celine@bookcouncil.sg) atau Puan Noor Ashikin (programmes7@bookcouncil.sg).

12) Saya tidak mempunyai salinan digital bagi karya yang ingin dihantar untuk penilaian Anugerah Persuratan 2026. Apakah yang boleh saya lakukan?

Semua penyertaan mesti disertakan dengan:

- Satu salinan digital melalui borang penyertaan dalam talian; dan
- Tiga (3) salinan fizikal buku dihantar ke Sekretariat di:

Majlis Buku Singapura
90 Goodman Road
Goodman Arts Centre, Blk E, #03-32
Singapura 439053
(Sila ambil perhatian tiada akses lif)

Salinan fizikal boleh dihantar antara **11 Ogos hingga 15 September 2026**, Isnin hingga Jumaat, waktu pejabat (10.00 pagi–6.00 petang), kecuali cuti umum.

Penyertaan hanya dianggap lengkap apabila kedua-dua salinan digital dan salinan fizikal diterima oleh Sekretariat sebelum tarikh tutup. Penyertaan yang tidak lengkap tidak akan diterima. Segala keputusan adalah muktamad.



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

13) Bilakah tarikh tutup penyertaan?

Semua penyertaan digital dan fizikal mesti diterima selewat-lewatnya pada hari Selasa, 15 September 2026, jam 6 petang. Penyertaan selepas tarikh tutup atau tanpa kedua-dua salinan digital dan fizikal tidak akan diterima.

14) Bolehkah saya menghantar lebih daripada satu karya untuk penilaian?

Penulis/Penerbit boleh menghantar lebih daripada satu karya untuk penilaian, selagi karya-karya tersebut dicetak pada tahun 2023, 2024 dan 2025, serta mempunyai nombor ISBN untuk menentukan kesahihannya.

15) Bagaimanakah penilaian karya dijalankan?

Setiap kategori akan dinilai oleh sebuah panel yang terdiri daripada dua orang pengadil. Keputusan pengadil muktamad dan mengikat. Surat-menyurat berkaitan dengan keputusan pengadil tidak akan dilayan.

16) Saya ada soalan tambahan yang tidak tersenarai di atas. Apakah yang boleh saya lakukan?

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan lain, Tuan/Puan boleh e-mel Puan Celine (celine@bookcouncil.sg) atau Puan Noor Ashikin (programmes7@bookcouncil.sg). Tuan/Puan boleh juga hubungi Puan Celine di talian 63425119.